

Pelajar Malaysia di Russia dijangka meningkat September

BH 6 APR 2002

KUALA LUMPUR, Jumaat - Bilangan pelajar Malaysia di Russia dijangka meningkat hampir dua kali ganda daripada 180 orang ketika ini berikutan cadangan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk menghantar kira-kira 100 lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di negara itu, September ini.

Langkah itu adalah susulan kepada minat Kerajaan Malaysia untuk memperluaskan kerjasama dengan Russia dalam bidang pendidikan selepas lawa-

tan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir ke negara itu, bulan lalu.

Pengarah Pusat Sains dan Kebudayaan Russia, Vladimir F Shlyakov, berkata ini adalah kali pertama Kerajaan Malaysia menghantar pelajar tajaannya melanjutkan pelajaran di universiti negara itu.

Sehubungan itu, katanya, semua pelajar terbabit akan mengikuti program persediaan selama tiga bulan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) sebelum berlepas ke Russia, September ini.

Program itu termasuk mempersiapkan diri mereka dengan kemahiran bahasa serta memahami kebudayaan Russia untuk membolehkan pelajar menyesuaikan diri dalam tempoh pengajian mereka di sana," katanya kepada *Berita Harian*, di sini hari ini.

Ketika ini kira-kira 180 pelajar Malaysia melanjutkan dalam bidang perubatan di lima universiti di Russia.

Berikutan itu juga, Shlyakov berkata, Russia merancang mengadakan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi tempa-

tan yang berminat mengendalikan program persediaan di negara ini untuk lepasan SPM yang berminat melanjutkan pelajaran di negara itu.

Mulai tahun ini, katanya, Russia menawarkan lapan biasiswa untuk pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran di sana.

Mereka yang berminat boleh mengunjungi Pusat Sains dan Kebudayaan Russia di 205, Lorong Ampang 2, Off Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur atau menghubungi telefon 03-21444001 atau e-mel: vladros@pd.jaring.my.